

Kerajaan akan perkenal 'smart card'

KUALA LUMPUR 17 Dis. — Kerajaan akan memperkenalkan 'smart card' kepada rakyat tempatan dan asing yang sering keluar masuk negara ini, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad. —

Menurut beliau, kerajaan tidak mahu mereka yang mengendalikan urusan perniagaan dan rasmi di luar negara melalui proses pemeriksaan passport yang begitu lama.

"Hanya dengan menggunakan smart card yang diiktiraf oleh kita, dan cuma perlu melalui mesin sahaja kita boleh rekod siapa yang masuk ke negara ini," kata beliau kepada para pemberita selepas majlis penyampaian Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1991 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, Jabatan Imigresen sedang menjalankan kajian lanjut mengenai kad tersebut, termasuk jenis kad yang sesuai serta ciri-ciri keselamatannya.

Katanya, arahan mengenai kajian itu telah dikeluarkan dua bulan lalu dan kad itu akan diperkenalkan secepat mungkin.

Beliau menambah, kad ini bukan hanya diberi-

kan kepada rakyat asing yang sering berurusan di negara ini tetapi juga warganegara Malaysia yang selalu keluar negara.

Bagaimanapun, beliau berkata, mereka yang berkenaan masih perlu membawa passport bagi memudahkan pemeriksaan imigresen sekiranya diperlukan di samping dikenakan bayaran bagi menampung kos kad tersebut.

Menurut Perdana Menteri, langkah bagi memperkenalkan kad tersebut adalah salah satu usaha kerajaan untuk mengurangkan beban birokrasi serta melicinkan pentadbiran kerajaan.

Rumit

Di samping itu, katanya, banyak perkara lain yang dahulunya rumit tetapi kini telah dipermudahkan lagi dengan penggunaan sistem yang lebih canggih seperti penggunaan komputer dan pembayaran di pejabat-pejabat pos.

Beliau yakin, dengan perubahan-perubahan ini prestasi kerja agensi-agensi kerajaan akan dapat dipertingkatkan lagi selaras dengan gerakan budaya kerja cemerlang yang dilancarkan tahun lalu.

Dato' Sri Dr. Mahathir

berpendapat, tiga organisasi yang menerima anugerah Kualiti Perdana Menteri hari ini, iaitu Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) dan Motorola (M) Sdn. Bhd. memang layak memenangi anugerah itu.

Katanya, sejak gerakan budaya kerja cemerlang dilancarkan, kerajaan mendapati soal kualiti sudah menjadi satu perkara yang diminati oleh semua pihak dan mereka berlumba-lumba untuk meningkatkan mutu kerja masing-masing.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan juga telah menyusun cara yang lebih kemas untuk membolehkan tindakan disiplin diambil terhadap kakitangannya yang melanggar peraturan.

Beliau menjelaskan, usaha itu dibuat ekoran peraturan yang tidak lengkap sehingga menyebabkan lembaga disiplin takut dan tidak berminat mengambil tindakan disiplin kerana mereka sering kalah apabila tindakan yang mereka buat dibawa ke mahkamah.

Selain itu, katanya, Ketua Setiausaha Negara juga sedang mengkaji sistem bekerja yang lebih berkesan untuk dilaksanakan di pejabat-pejabat kerajaan dalam usaha

untuk membetulkan kelemahan yang ada.

Misalnya, kata Perdana Menteri, jika kerajaan mengeluarkan pekeliling baru, pegawai yang berkenaan akan diberi latihan khusus mengenai cara-cara pelaksanaan perintah baru itu.